

42 pelajar UMS terbabit Program Kampus di Kampung Tagai

NST 04.12.2012 9

KENINGAU: Seramai 42 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Program Kampus ke Kampung di Kg. Tagai dekat sini selama tiga hari yang berakhir pada Ahad.

Program yang lebih menjurus kepada ke-masyarakat itu disertai oleh pelajar UMS tahun pertama dari pelbagai jurusan itu mendedahkan para pelajar mengenai budaya dan kehidupan masyarakat di kampung berkenaan kerana mereka masing-masing menjadi anak angkat kepada keluarga di kampung itu.

Selain daripada aktiviti beramah mesra sambil menyelami kehidupan warga desa di kawasan tersebut, para peserta turut membuat kerja-kerja amal membersihkan kampung dalam aktiviti bergotong royong beramai-ra-mai pada hari kedua program berkenaan.

Jurucakap Kampung Tagai yang mewakili Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Harry Daniel Gitik memberitahu media bahawa program tersebut telah memberi impak yang baik antara penduduk kampung dan para pelajar UMS.

"Kita sangat bersyukur atas kehadiran rombongan ini dan gembira kerana kampung ini telah dipilih sebagai destinasi program UMS pada kali ini. Terdapat banyak perkara



HARRY ... Program beri impak yang baik.



BERSEMANGAT Kelihatan sebahagian daripada peserta program berkenaan mendengar taklimat di Balai Raya Kampung Tagai.

yang boleh kita kongsikan di sini dan diharapkan semua yang terlibat mendapat serba sedikit pengalaman manis di kampung ini.

"Melalui program ini juga, kita harapkan agar masyarakat kampung akan mempelajari sesuatu yang baru daripada pelajar UMS" katanya ketika ditemui di majlis sambutan rombongan UMS tersebut.

Harry berharap, selari dengan matlamat Program Interaksi Institusi Dan Masyarakat (UMS) tersebut, semua objektif program berkenaan akan tercapai dan mengalu-alukan supaya UMS akan berkunjung lagi ke kampung berkenaan pada masa akan datang.
-OLEH MARUTIN ANSIUNG
marutin@newsabahtimes.com.my